

HADIS – MOTIVASI HIDUPKU

KUPASAN HADIS TEMATIK (2) : RENDAH DIRI DAN MENGASIH SESEORANG DENGAN MENYEBUT NAMANYA ADALAH *USLŪB* TERPUJI

Daripada Abi Uthman berkata: ‘Amru bin al-‘Ash RA berkata: Tatkala Nabi *Salla Allah alaihi wassalam* bangun dari tempat baginda duduk, maka, aku mendampingi kepada baginda dan bertanyakan sesuatu kepada baginda:

أَيُّ النَّاسِ أَحَبُّ إِلَيْكَ؟ قَالَ: عَائِشَةُ، فُئِلْتُ: مِنَ الرَّجَالِ؟ فَقَالَ: أَبُوهَا، قَالَ: ثُمَّ مَنْ، قَالَ: عُمَرُ بْنُ
الْخَطَّابِ، فَعَدَّ رَجَالًا.

Maksudnya:

Siapakah dalam ramai-ramai manusia yang paling engkau sayang? Sabda baginda: **A’isyah**. Maka, aku bertanya lagi: Dalam kalangan lelaki pula? Maka, baginda bersabda: **Ayahnya (Abu Bakr)**, aku bertanya lagi: Kemudian, siapa lagi? Kata baginda: **Umar bin al-Khattab dan beberapa lagi dalam kalangan sahabat yang lain.**

[Al-Bukhari. 2004. *Sahih al-Bukhari*, Kitab Fada’il Ashab al-Nabi *Salla Allah alaihi wassalam*, Bab Qawl al-Nabi *Salla Allah alaihi wassalam*: “*Law Kunt Muttakhidhan Khalilan*”, no hadis 3662. Penyusun: Muhammad Fu’ad Abd al-Baqi. Kaherah: Dar Ibnu al-Haytham]

Bahkan, dalam sebuah riwayat daripada Abi Ya’la RA, berkata Muhammad bin al-Hanafiah RA: Aku telah bertanya kepada baginda Rasulullah *Salla Allah alaihi wassalam* sesuatu:

أَيُّ النَّاسِ خَيْرٌ بَعْدَ النَّبِيِّ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ؟ قَالَ: أَبُو بَكْرٍ. فُئِلْتُ: ثُمَّ مَنْ؟ فَقَالَ: أَبُو بَكْرٍ. فُئِلْتُ:
ثُمَّ مَنْ؟ قَالَ: عُمَرُ. وَخَشِيتُ أَنْ يَقُولَ عُثْمَانُ، فُئِلْتُ: ثُمَّ أَنْتَ؟ قَالَ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ: مَا أَنَا إِلَّا
رَجُلٌ مِنَ الْمُسْلِمِينَ.

Maksudnya:

Siapakah manusia yang terbaik selepas baginda Nabi *Salla Allah alaihi wassalam*? Kata baginda: **Abu Bakr**. Aku Bertanya lagi: Kemudian, siapakah selepasnya? Baginda menjawab: **Abu Bakr**. Aku bertanya lagi: Siapakah seterusnya? Baginda menjawab: **Umar**. Lantas, aku merasa bimbang tentang jawapan baginda mengenai Uthman. Lalu, aku bertanya: Kemudian, dirimu? Baginda *Salla Allah alaihi wassalam* bersabda: **Bukan diriku, kerana diriku ini tiada apa-apa (istimewa) kecuali hanya seorang lelaki biasa daripada kalangan orang-orang Islam.**

[Al-Bukhari. 2004. *Sahih al-Bukhari*, Kitab Fada’il Ashab al-Nabi *Salla Allah alaihi wassalam*, Bab Qawl al-Nabi *Salla Allah alaihi wassalam*: “*Law Kunt Muttakhidhan Khalilan*”, no hadis 3671. Penyusun: Muhammad Fu’ad Abd al-Baqi. Qahirah: Dar Ibnu al-Haytham]

HADIS – MOTIVASI HIDUPKU

Keterangan umum:

Rendah diri dan dalam masa yang sama memuji seseorang dengan menyebut nama individu terlibat sebenarnya merupakan sebahagian satu sifat nilai-nilai Islam yang kaya dengan pelbagai *uslūb* atau pendekatan nabawi yang dianjurkan baginda Nabi *Salla Allah alaih wassalam*. Umumnya, masyarakat mempunyai berbagai jenis peringkat, usia, pangkat dan budaya yang mewajarkan mereka perlu menyemai sifat hormat-menghormati antara satu sama lain di samping menyuburkan kasih sayang dalam sosio budaya. Oleh itu, masyarakat perlu melunasi sebuah pernyataan dalam bahasa Inggeris ‘*we must respect each other*’ meskipun kita memiliki pangkat dan darjat. Benarlah menurut sebuah riwayat daripada Abi Hurairah RA berkata, Rasulullah *Salla Allah alaih wassalam* bersabda:

مَنْ لَا يَرْحَمَ لَا يُرْحَمَ.

Maksudnya: Sesiapa yang tidak menghormati (menyayangi) orang lain, tidak akan dihormati (disayangi).

[Al-Bukhari. 2004. *Sahih al-Bukhari*, Kitab *al-Adab*, Bab *Rahmah al-Walad wa Taqbilih wa Mu’anaqatih*, no hadis 5997. Penyusun: Muhammad Fu’ad Abdul Baqi. Mesir: Dar Ibnu al-Haytham].